



Received: 2023-10-11

Accepted: 2023-11-19

Published: 2023-12-30

Original Article

Analisis Living Quran Dalam Amalan *Ruqyah Shar'iyah* di Madat Aceh Timur Provinsi Aceh

(Analysis of Living Quran in the Practice of Ruqyah Shar'iyah in Madat Aceh Timur Aceh Province)

Abd. Wahid^a, Khadher Ahmad^b, Fathaya Tinur^a, Maizuddin^a & Zainuddin^a

^a Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia

^b Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur and Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya.

* Corresponding author, email; abdul.wahid@ar-raniry.ac.id

ABSTRACT

Ruqyah represents one of the therapeutic methodologies once imparted by Prophet Muhammad. Conventionally, *ruqyah* is practiced utilizing water. However, the approach adopted by Madam Nuari deviates from this norm. At the culmination of her treatment sessions, she mandates patients to employ *ruqyah* through the mediums of rice plants and grains. Consequently, the researcher is intrigued to explore this, aiming to comprehend the practice of the *ruqyah syar'iyah* method via rice plants and grains, and Madam Nuari's understanding of the Quranic verses employed during *ruqyah*, coupled with societal perceptions. This investigation employs a qualitative approach and encompasses field research. Research data was amassed via observation techniques, interviews, and documentation, subsequently undergoing a descriptive analysis. The findings reveal that firstly, this *ruqyah* practice harnesses verses from the Qur'an; upon concluding the treatment, specific prayers are recited over rice plants and grains, which are then cascaded from the patient's head to feet before being discarded. Secondly, regarding Madam Nuari's grasp of the verses employed, she articulates verses without reference to textual material, elucidates the intrinsic meanings of certain chapters, and correctly discerns the verses' intended meanings. Thirdly, the community of Madat perceives the *ruqyah syar'iyah* method with esteem, believing that this therapy carries blessings and can, with the grace of Allah, cure specific ailments. Thus, the research outcomes indicate that the *ruqyah* practiced by Madam Nuari adheres faithfully to the Islamic doctrine, as originally taught by Prophet Muhammad.

Keywords: *Ruqyah Shar'iyah*; Living Quran; Madat; Qur'anic Medicine & Aceh.

Pendahuluan

Kesihatan merupakan salah satu faktor penting bagi kehidupan manusia. Hal demikian kerana dengan keadaan sihat, manusia boleh melakukan sebarang aktiviti dengan selesa dan banyak berbuat kebaikan dengan memberi manfaat kepada sesama manusia. Manusia pula adalah makhluk yang kompleks yang terdiri daripada unsur-unsur fizikal, psikis, sosial dan spiritual. Apabila seseorang mengalami sakit mesti dilakukan pemeriksaan dan penyembuhan secara menyeluruh.¹

Al-Quran bukanlah kitab kesihatan, tetapi Al-Quran ialah kitab petunjuk bagi manusia untuk keselamatan dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun di dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat yang menyebutkan bahawa Al-Quran adalah ubat penawar (*shifā'*) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.² Al-Qur'an sendiri menyebut dirinya sebagai "Penyembuh Penyakit", yang membawa petunjuk bahawa kandungannya akan membawa manusia kepada kesihatan spiritual, psikologi, dan fizikal. Allah SWT berfirman dalam surah al-Isrā' ayat 82 sebagai berikut:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Terjemahan: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.

Ayat Al-Quran yang tertulis di atas, menjadi asas pengetahuan bahaiwa Al-Quran sebenarnya berfungsi sebagai rahmat dan penawar (ubat), kerana Al-Quran adalah firman Allahi dan kebatilan tidak pernah menyentuhnya. Hal ini menunjukkan bahawa sakit bagi seseorang dianggap sebagai kemudaratan dapat diubati dengan membaca ayat-ayatNya. Salah satu rawatan dengan Al-Quran iaitu *ruqyah* mengalami perkembangan yang sangat pesat dari semasa ke semasa.

Ruqyah merupakan metode atau kaedah rawatan Rasulullah SAW, sama ada berkaitan dengan penyakit fizikal atau spiritual. Walau bagaimanapun, ia mesti ditanamkan keyakinan bahawa Allah SWT yang menyembuhkan suatu penyakit dan Dia jugalah yang menurunkan penawarnya. Penggunaan *ruqyah* ini berasal daripada tuntutan Rasulullah SAW melalui sunnah *qawliyyah* (sabdaan baginda), sunnah *fi'liyyah* (perbuatan baginda), dan sunnah *taqrīriyyah* (pengakuan atau kebenaran baginda terhadap jampi-jampi yang dilakukan oleh orang lain). Ibn Qayyim Al-Jawziyyah dalam kitab *Al-Ṭibb Al-Nabawī* menyebutkan bahawa pengubatan yang dilakukan oleh Rasulullah terhadap suatu penyakit ada tiga metode; iaitu pengubatan semula jadi, pengubatan ilahi (*ruqyah*) dan pengubatan gabungan di antara keduanya.³

¹ Husin, Achmad Fuadi. "Islam dan kesehatan." *Islamuna: Jurnal Studi Islam* 1, no. 2 (2014): 195.

² Abdul Hadi, "Bacaan Ayat Al-Qur'an sebagai Obat" (Skripsi UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2015), 77 dan Ahmad, Khadher, Mohd Anuar Ramli, and Nor Azian Ab Rahman. "Understanding the Use of Ruqyah (Healing Method Based on The Quran and Hadith) in the Treatment of Disease: Analysis based on Fiqh al-Hadith Al-Imam Al-Bukhari", *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies* 14, no. 2 (2016): 168-205.

³ Dina, "Implementasi Metode *Ruqyah* Melalui Terapi Air (Studi pada Buya Zaharuddin di Kelurahan Simpang Sungai Ringas Kecamatan Maro Sebo Ulu Kabupaten Batang Hari Provinsi Jambi)" (Skripsi Studi Bimbingan dan Penyuluhan Islam, UIN Sultha Thaha Saifuddin Jambi, 2002), 2 dan Ahmad, Khadher, Ishak Suliaman, Sedek Ariffin, and M. Y. Zulkifli. "Religion and alternative medicine: Issues on using Ruqyah (incantation) among Malay-Muslim practices." In *Proceedings of International Conference on Innovative Trends in Multidisciplinary Academic Research (ITMAR-2014)*, vol. 1(2014): 33-40.

Kajian berkaitan dengan *ruqyah* telah menghasilkan pelbagai artikel yang saling melengkapi antara satu sama lain. Salah satu kajian adalah penyelidikan oleh M. Darajat Ariyanto yang membahas dan menyajikan dalil-dalil bahawa Al-Quran dapat menyembuhkan penyakit fizikal.⁴ Dapatan kajian ini dapat mengubah persepsi orang yang hanya mengetahui *ruqyah* sebagai kaedah rawatan yang terhad untuk mengatasi gangguan makhluk halus sahaja. Bahkan ia kini telah dikenali sebagai rawatan yang mengatasi pelbagai jenis penyakit. Manakala Khadher et.al dalam artikelnya menjelaskan signifikan sesuatu *ruqyah* itu dibacakan sesuai dengan beberapa keadaan seperti tema penyakit, kisah dibalik ayat al-Quran itu dan juga ada kaitan dengan pengalaman daripada pengamalannya sendiri yang disebutkan sebagai *tajribah*.⁵

Terdapat beberapa persepsi dalam kalangan masyarakat awam bahawa terapi *ruqyah* adalah terapi untuk gangguan jin atau perkara-perkara yang bersifat ghaib. Kesalahan persepsi tersebut terjadi kerana *ruqyah* sering dilakukan secara meluas untuk mengusir jin yang berada di dalam diri manusia. Para *peruqyah* pula jarang menjelaskan penggunaan metode *ruqyah* tersebut yang lebih luas kepada penyembuhan fizikal dan psikik.⁶ Oleh itu, sangat penting bagi masyarakat untuk mengetahui rawatan *ruqyah* yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan serta manfaat rawatan tersebut.

Dewasa ini, air dipercayai dapat memulihkan keadaan kesihatan seseorang. Air tersebut adalah air yang telah diberi kata-kata positif seperti doa. Dalam kalangan masyarakat, air tersebut dikenali sebagai "air doa", dan rawatan melalui terapi air mulai diminati oleh kebanyakan masyarakat. Hal ini disokong oleh bukti penyelidikan yang telah dijalankan oleh seorang penyelidik Jepun bernama Masaru Emoto. Beliau mengatakan bahawa apabila air diberi kata-kata positif, maka ia (air) akan bertindak balas terhadap kata-kata tersebut sehingga memberi kesan positif kepada manusia.⁷ Ibu Nuari, wanita biasa yang boleh melakukan *ruqyah* dengan metode yang unik iaitu menggunakan padi dan beras. Sedia maklum bahawa kaedah *ruqyah* melalui terapi air sudah biasa dilakukan oleh ahli *ruqyah* secara umum. Walau bagaimanapun ia berbeza dengan kaedah *ruqyah* melalui padi dan beras yang dilakukan oleh Ibu Nuari. Hasil observasi mendapati bahawa Ibu Nuari melakukan *ruqyah* melalui padi dan beras yang telah dibacakan ayat-ayat Al-Qur'an dan doa yang mengandungi makna yang baik dan positif. Padi dan beras digunakan pada akhir rawatan dengan tujuan dan harapan semoga segala penyakit yang dialami oleh pesakit tidak kembali lagi kepadanya.

Fakta sosial yang dinyatakan di atas ternyata telah dipraktikkan oleh Nabi SAW tetapi baginda dan para ulama biasanya menggunakan air, bukan padi dan beras. Setelah melihat bukti-bukti tersebut, timbul persoalan bagaimana amalan *ruqyah shar'iyah* melalui padi dan beras; bagaimana pemahaman Ibu Nuari terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang digunakan dalam *ruqyah shar'iyah*; dan bagaimana persepsi masyarakat Madat terhadapnya. Disebabkan hal demikian, pengkaji berminat untuk menjalankan penyelidikan tentang "*Penggunaan Ayat Al-Qur'an Ruqyah Shar'iyah di Gampong Madat Kecamatan Madat Kabupaten Aceh Timur*".

⁴ Harmuzi, Harmuzi. "Studi Fenomenologi Ruqyah Syar'iyah Pengalaman Transformasi Kesehatan Mental Di Biro Konsultasi Psikologi Tazkia Salatiga." *IJIP: Indonesian Journal of Islamic Psychology* 2, no. 1 (2020): 113.

⁵ Khadher Ahmad et.al, Terapi Ruqyah Berasaskan Al-Quran: Analisis Signifikannya Dalam Rawatan Penyakit, *Jurnal Darul Quran* 18: 87-125

⁶ Setyawan, Sigit Dwi, and Yadi Purwanto. "Fenomena terapi ruqyah dan perkembangan kondisi afeksi klien." *Indigenous: Jurnal Ilmiah Psikologi* 2 (2007): 66.

⁷ Muhibbah, Dina. "Implementasi Metode Ruqyah Melalui Terapi Air: Kasus Buya Zaharuddin, Simpang Sungai Rengas, Batanghari." *Journal of Islamic Guidance and Counseling* 6, no. 1 (2022):51.

Berdasarkan latar belakang masalah, penelitian ini dijalankan berdasarkan analisis terhadap penggunaan ayat Al-Qur'an dalam *Ruqyah Shar'iyah* melalui padi dan beras oleh Ibu Nuari di masyarakat Madat, Kabupaten Aceh Timur. Oleh itu, persoalan kajian ini adalah:

1. Bagaimana amalan *ruqyah shar'iyah* melalui padi dan beras di Gampong Madat Kabupaten Aceh Timur?
2. Bagaimana pemahaman Ibu Nuari terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang digunakan dalam *ruqyah shar'iyah* melalui padi dan beras di Gampong Madat Kabupaten Aceh Timur?
3. Bagaimana persepsi masyarakat Madat terhadap *ruqyah shar'iyah* melalui padi dan beras?

Permasalahan *Ruqyah Shar'iyah*

Ruqyah secara etimologi bermaksud permohonan untuk perlindungan, atau ayat-ayat zikir dan doa-doa yang dibacakan kepada orang sakit. Sementara itu, menurut terminologi syariat, *ruqyah* bermaksud bacaan-bacaan untuk rawatan *shar'ī* (berdasarkan Al-Quran dan Hadith) sesuai dengan peruntukan dan prosedur yang telah disepakati oleh ulama. *Ruqyah* dinamakan juga dengan '*azā'im*' yang dikenali dalam bahasa Indonesia dengan jimat iaitu azimat-azimat.⁸

Menurut istilah *Ruqyah* merupakan salah satu cara penyembuhan yang dapat dilakukan pada seseorang yang mengalami kesakitan akibat penyakit rohani atau penyakit yang disebabkan oleh kejahatan '*ain* (mata jahat) manusia atau jin. Dirasuki oleh syaitan atau jin dan kiriman sihir dengan harapan penyembuhan atau kesengsaraannya berakhir dengan membaca ayat-ayat Al-Qur'an, zikir atau doa-doa *Ma'thūrāt* atau bersumber dari Al-Quran dan Hadith Nabi.

Menurut syariat, *ruqyah* merupakan doa-doa atau bacaan ayat suci Al-Quran dalam meminta bantuan Allah SWT untuk rawatan atau pencegahan dari bahaya dan penyakit. Menurut Ibn Qayyim Al-Jawzīyah, terapi *ruqyah* adalah terapi dengan melafazkan doa daripada Al-Qur'an atau Hadith dalam menyembuhkan penyakit. Tambah beliau lagi, *ruqyah* tidak hanya digunakan untuk mengusir gangguan jin tetapi juga sebagai bentuk terapi fizikal dan gangguan jiwa.⁹ Syeikh al-Albānī mengatakan bahawa *ruqyah* adalah bacaan yang dibacakan untuk meminta penyembuhan yang berasal daripada Al-Quran dan Hadith yang sahih. Adapun sesuatu yang diucapkan oleh beberapa orang berupa ayat berima seperti sajak yang langsung tidak difahami maknanya, kebiasaannya mengandungi kalimat kufur dan syirik, maka (ucapan seperti itu) dilarang.¹⁰

Berdasarkan definisi-definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa *ruqyah* adalah bacaan untuk pengobatan yang sesuai dengan syariat (berdasarkan riwayat yang sahih atau sesuai dengan ketentuan-ketentuan yang telah disepakati oleh para ulama) untuk melindungi diri dan merawat orang sakit atau memohon kesembuhan kepada Allah SWT dari gangguan yang ada, dan memohon perlindungan kepada-Nya dari kejahatan yang dikhawatirkan.

⁸ Ummu Abdillah Hanien az-Zarqā, *Terapi Pengobatan dengan Ruqyah Syar'iyah*, (Jakarta: El-Posowy, 2005), 6.

⁹ Ummu Abdillah Hanien az-Zarqā, *Terapi Pengobatan dengan Ruqyah Syar'iyah*, 8.

¹⁰ Annisa Rahma, "Terapi Al-Qur'an dengan Metode *Ruqyah Syar'iyah* dalam Penyembuhan Gangguan Psikis di Rumah *Ruqyah Solo*", (Skripsi Bimbingan Konseling Islam, IAIN Surakarta, 2018), 14.

Padi dan Beras

Padi merupakan tanaman makanan yang telah dijadikan sebagai makanan ruji bagi lebih daripada separuh penduduk dunia. Tanaman ini termasuk salah satu tanaman utama yang ditanam oleh petani sebagai makanan ruji masyarakat. Beras adalah bahagian bijirin padi yang telah dipisahkan dari sekam.

Padi dan beras dilambangkan sebagai ucapan terima kasih kepada Allah SWT, kerana kehidupan masyarakat dahulu umumnya bergantung hidup dari hasil sawah. Padi dan beras dilambangkan dengan kesuburan kemakmuran, semangat, dan keutuhan orang yang berkenaan akan kembali normal. Istilah lain dalam masyarakat Aceh, ia dipanggil breuh-pade.¹¹

Dari pernyataan di atas, padi dan beras adalah bahan yang digunakan dalam rawatan *ruqyah* yang bermaksud sebagai bentuk adanya keberkatan atas perolehan nikmat penyembuhan yang diberikan oleh Tuhan. Sebagaimana penggunaan padi dan beras sebagai makanan ruji harian masyarakat Aceh, begitu juga dilambangkan pada akhir rawatan ini yang sangat penting sebagai teras rawatan. Oleh itu, padi dan beras ini yang digunakan sebagai makanan ruji begitu juga pada akhir rawatan ini ia adalah inti daripada teras utama rawatan.

Sejarah Ruqyah

Ruqyah adalah sejenis terapi atau rawatan yang sudah ada pada masa *Jahiliyah*. Menurut bahasa, *ruqyah* bererti jampi-jampi atau mantra. Sebelum Islam dibawa oleh Rasulullah SAW, orang-orang Arab sudah melakukan *ruqyah*. *Ruqyah* yang dikenali dalam tradisi Arab pada masa itu adalah *ruqyah* (mantra) yang diucapkan oleh dukun-dukun yang mengandungi syirik, kerana di dalamnya terdapat pemujaan dan permintaan kepada jin atau syaitan. Setelah Rasulullah SAW datang, bermula penetapan *ruqyah* dalam Islam.¹²

Awf bin Mālik RA berkata: "Kami pernah melakukan *ruqyah* pada zaman *jahiliyah*." Para sahabat bertanya kepada Rasulullah SAW tentang *ruqyah*. Rasulullah SAW menjawab: "Tunjukkan padaku *ruqyah* yang telah kalian lakukan. *Ruqyah* bukanlah masalah selama tidak mendatangkan kemusyrikan." (HR. Muslim).¹³ Dalam kitab *Fatāwā al-Azhar* disebutkan bahawa sumbangan Islam dalam *ruqyah* ialah membetulkan penyelewengan dalam akidah dan menetapkan bahawa *ruqyah* tidak akan memberi kesan kecuali dengan kehendak kuasa Allah SWT. Kesan *ruqyah* terserlah kerana kehendak kuasa Allah SWT adalah dibenarkan, seperti doa atau ubat. Oleh itu, umat Islam boleh memahami hal-hal yang dinyatakan dalam nas yang menolak dan membenarkan *ruqyah*. Berikut adalah hadith-hadith yang menceritakan Rasulullah SAW pernah melakukan *ruqyah shar'iyah*:

1) Rasulullah SAW pernah meruqyah dirinya sendiri. Hadith daripada 'Ā'ishah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ كَانَ إِذَا أَخَذَ مَضْجَعَهُ نَفَثَ فِي يَدَيْهِ وَقَرَأَ بِالْمُعَوِّذَاتِ وَمَسَحَ بِهِمَا جَسَدَهُ

¹¹ Sakdiah, Sakdiah, and Yunaidi Yunaidi. "Pesijuek Sebagai Media Dakwah Di Aceh." *Jurnal Al-Bayan: Media Kajian Dan Pengembangan Ilmu Dakwah* 21, no. 1 (2015): 7.

¹² Musdar Bustaman Tambusia, *Buku Pintar Jin, Sihir, dan Ruqyah Syar'iyah*, (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2010), 261.

¹³ Syekh Abdul Azhim, Bebas Penyakit dengan *Ruqyah* dari Gangguan Kesehatan hingga Gangguan Jin (al-*Ruqyah* al-Nāfi'ah li Amrādh al-Ayā'iyah), Terj. Salafuddin Ilyas & A. Mufid Ihsan, (Tangerang: Qultum Media, 2006), 13.

Terjemahan: “Ketika hendak tidur, Rasulullah SAW meniupkan ke kedua tangannya sambil membaca al-mu’awwadhāt (surah al-Nās dan al-Falaq), lalu beliau mengusapkan ke badannya.”¹⁴

2) Rasulullah SAW *diruqyah* oleh malaikat Jibrīl AS:

بِسْمِ اللَّهِ أَزْفِيكَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ مِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ اللَّهُ يَشْفِيكَ بِاسْمِ اللَّهِ أَزْفِيكَ

Terjemahan: “Dengan nama Allah, aku *ruqyah* engkau daripada segala penyakit yang membahayakanmu dan daripada segala kejahatan dari setiap jiwa jahat atau mata jahat pendengki. Semoga Allah menyembuhkanmu. Dengan nama Allah aku *meruqyah*mu.”¹⁵

3) Rasulullah SAW memerintahkan *ruqyah* dan membenarkan *ruqyah* sahabat

a) Hadith daripada ‘Ā’ishah RA:

أَمُرُ نِي رَسُولُ اللَّهِ أَوْ أَمَرَ أَنْ يُسْتَرَّ فِي مِنَ الْعَيْنِ

Terjemahan: “Rasulullah SAW memerintahkan kepada kami untuk *meruqyah* orang yang terkena penyakit ‘ain (gangguan sihir)”.¹⁶

b) Hadith daripada ‘Awf bin Mālik al-Ashjā’ī RA:

كُنَّا نَرُقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ فَقَالَ اغْرِضُوا عَلَيَّ رُقَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرُّقِيِّ مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ سِحْرٌ

Terjemahan: Kami sudah terbiasa *meruqyah* pada zaman jahiliyyah, maka kami bertanya: “Wahai Rasulullah, apa pendapatmu tentang hal ini?” Baginda bersabda: “Perdengarkan padaku *ruqyah-ruqyah* kalian. Dibenarkan *ruqyah* selagi tidak menggunakan perkataan syirik”.¹⁷

Hukum *Ruqyah*

Ruqyah telah dikenali oleh masyarakat *jahiliyyah* sebelum Islam. Walau bagaimanapun, *ruqyah* yang mereka gunakan mengandungi syirik. Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW pula bertujuan untuk membanteras syirik tersebut. Hal demikian menyebabkan Rasulullah SAW melarang para sahabatnya untuk melakukan *ruqyah*. Kemudian baginda membenarkannya selagi ia tidak mengandungi syirik. Para ulama juga bersepakat bahawa hukum asal *ruqyah* adalah dilarang. Rasulullah SAW bersabda:

1) Daripada Jābir bin ‘Abd Allāh RA berkata:

¹⁴ Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il, *Sahih al-Bukhārī* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2000), 435. [Kitab al-Tibb, Bab Fadl al-Mu’awwidhat, no.hadith 5017]

¹⁵ Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim* dalam *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2000), 1066. [Kitab al-Salam, Bab al-Tibb wa al-Marda wa al-Ruqa, no.hadith 5699] dari hadith ‘Aishah RA] dan [Kitab al-Salam, Bab al-Tibb wa al-Marda wa al-Ruqa, no.hadith 5700] dari hadith Abi Sa‘id RA.]

¹⁶ Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Beirūt : Dār Al-Tuq Al-Najah, 1442), 7:32.

¹⁷ Muslim bin al-Hajjaj Abū Ḥusain al-Qushairī al-Naysāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir, (Beirūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 384. [Kitab al-Salam, Bab La Ba’s bi al-Ruqa Ma Lam Yakun Fih Shirk, no.hadith 5732].

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرُّقِيِّ فَجَاءَ آلُ عَمْرٍو بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَةٌ نَزَقْنَا بِهَا مِنَ الْعَقْرِبِ وَإِنَّكَ تَهَيْتَ عَنِ الرُّقِيِّ قَالَ فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ فَقَالَ مَا أَرَى بَأْسًا مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَهُ أَحَاهُ فَلْيَنْفَعُهُ

Terjemahan: Rasulullah SAW melarang semua jenis *ruqyah*. Kemudian keluarga ‘Amrū bin Ḥazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami dahulu memiliki *ruqyah* yang kami gunakan untuk *meruqyah* kerana sengatan kala jengking. Namun, engkau telah melarang semua *ruqyah*.” Kemudian mereka menunjukkan *ruqyah* kepada baginda. Baginda bersabda: “Aku melihat *ruqyah* ini tidak ada masalah. Sesiapa yang mampu memberi manfaat kepada saudaranya, maka hendaknya dia lakukannya.”¹⁸

2) Daripada Shifā’ bint ‘Abd Allāh RA:

أَنَّهَا كَانَتْ تَزِقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ ، فَلَمَّا جَاءَ الْإِسْلَامُ قَالَتْ : لَا أَزِقِي حَتَّى أَسْتَأْذِنَ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - ، فَأَتَتْهُ فَاسْتَأْذَنَتْهُ ، فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : ازِقِي ، مَا لَمْ يَكُنْ فِيهَا شِرْكٌ .

Terjemahan: Dia pernah *meruqyah* pada zaman *jahiliyah*. Setelah kedatangan Islam, dia berkata: “Aku tidak *meruqyah* sehingga aku meminta izin terlebih dahulu daripada Rasulullah SAW”. Kemudian dia pergi menemuinya dan meminta izin daripadanya. Rasulullah SAW bersabda kepadanya: Silakan engkau *meruqyah* selagi ia tidak mengandungi syirik.¹⁹

Para ulama telah bersepakat bahawa *ruqyah* adalah perbuatan yang dilarang bertepatan dengan hadith yang disebutkan di atas. Larangan *ruqyah* berlaku apabila *ruqyah* tersebut mengandungi syirik. Oleh yang demikian, *ruqyah* terbahagi kepada dua iaitu *ruqyah shirkiiyyah* dan *ruqyah shar’iyah*. *Ruqyah shirkiiyyah* adalah *ruqyah* yang dilarang dalam Islam kerana mengandungi syirik manakala *ruqyah shar’iyah* pula dibenarkan. Al-Rabi’ berkata: “Aku bertanya kepada Imam Shāfi’ī mengenai isu *ruqyah*. Beliau menjawab: “Tidak mengapa engkau *meruqyah* dengan menggunakan kitab Allah, dan zikir-zikir kepada Allah”. Aku bertanya lagi: “Adakah Ahli Kitab (Yahūdī al-Nāsrani) pernah *meruqyah* orang Islam?” Beliau menjawab: “Ya, Mereka *meruqyah* dengan menggunakan kitab Allah dan zikir kepada Allah’.”

Allah SWT berfirman dalam surah al-Zumar ayat 23:

اللَّهُ نَزَلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَانِيَ تَقْشَعِرُّ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ ذَلِكَ هُدَى اللَّهِ يَهْدِي بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ

Terjemahan: Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-Qur’an yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab Suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah dengan Al-Qur’an itu kepada sesiapa yang

¹⁸ Muslim bin al-Hajjaj Abū Ḥusain al-Qushairī al-Naysāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), hadith no. 1726, 117.

¹⁹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 4:1727.

dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya. (QS. Al-Zumar: 23)

Selain surah al-Zumar ayat 23 yang menegaskan Al-Qur'an dapat dijadikan sebagai ubat. Allah juga berfirman dalam surah Fuṣṣilat ayat 44 dan Yūnus ayat 57

...قُلْ هُوَ الَّذِي هَدَىٰ وَشَفَاءٌ وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي آذَانِهِمْ وَقَر...

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman; dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi sebagai penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar)". (QS. Fuṣṣilat: 44)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta rahmat bagi orang-orang yang beriman. (QS. Yūnus: 57)

Ayat di atas menjadi petunjuk bagi orang-orang yang beriman bahawa Al-Quran boleh digunakan sebagai panduan dan penawar bagi penyakit hati. Dikeluarkan dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Muslim daripada hadith Abū Sa'īd al-Khudrī, beliau meriwayatkan:

كُنَّا فِي مَسِيرٍ لَنَا فَتَزَلْنَا فَجَاءَتْ جَارِيَةٌ فَقَالَتْ إِنَّ سَيِّدَ الْحَيِّ سَلِيمِ (الذبيح) وَإِنَّ نَفَرَنَا غَيَّبَ فَهَلْ مِنْكُمْ رَاقٍ فَقَامَ مَعَهَا رَجُلٌ مَا كُنَّا نَأْبُهُ بِرُفْيَةٍ فَرَقَاهُ فَهَرَأَ فَأَمَرَ لَهُ بِثَلَاثِينَ شَاةً وَسَقَانَا لَبَنًا فَلَمَّا رَجَعْنَا فَلَمَّا رَجَعْنَا فَكُنْتُ نُحْسِنُ رُفْيَةَ أَوْ كُنْتُ تَزْفِي قَالَ لَا مَا رَفَيْتُ إِلَّا بِأَمِّ الْكِتَابِ فَلَمَّا لَا تُحْدِثُوا شَيْئًا حَتَّى نَأْتِيَ أَوْ نَسْأَلِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ ذَكَرْنَا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ وَمَا كَانَ يُدْرِيهِ أَنَّهَا رُفْيَةٌ أَفْسِمُوا وَأَضْرَبُوا لِي بِسَهْمٍ

Terjemahan: Ketika kami sedang dalam suatu perjalanan, kami singgah di suatu tempat. Datanglah seorang wanita dan berkata, 'Sesungguhnya pemimpin kami terkena sengatan, sedangkan sebagian kami tengah pergi. Apakah ada di antara kalian yang biasa meruqyah?' Maka bangunlah seorang dari kami yang tidak diragukan kemampuannya tentang ruqyah. Dia meruqyah dan sembuh. Kemudian dia diberi 30 ekor kambing dan kami mengambil susunya. Ketika peruqyah itu kembali, kami bertanya, Apakah Anda bisa? Apakah Anda meruqyah? Ia berkata, 'Tidak, saya tidak meruqyah kecuali dengan al-Fātihah.' Kami berkata, 'Jangan bicarakan apapun kecuali setelah kita mendatangi atau bertanya pada Rasulullah Ṣalallahu 'alaihi wa sallam.' Ketika sampai di Madinah, kami ceritakan pada nabi Ṣalallahu 'alaihi wa sallam dan beliau berkata, 'Tidakkah ada yang memberitahunya bahwa itu adalah ruqyah? Bagilah (kambing itu) dan beri saya satu bagian'.²⁰

Irfan Abu Naveed menukilkan pendapat ulama mengenai ruqyah, di antaranya:

- 1) Al-Hāfiẓ al-Qurṭubī mengatakan: "Dibenarkan ruqyah dengan kalam Allah dan nama-nama Allah, kerana menggunakan doa-doa yang ma'thūr hukumnya sunat."

²⁰ Al-Bukhari, *Saḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif*, 490. [Kitab al-Tibb, Bab al-Ruqa bi Fatimah al-Kitab, no.hadith 3441]. Ahmad Ali, (terj.) *Kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī & Muslim*, (Jakarta: Alita Aksara Media, 2013), 611.

- 2) Imam al-Khiṭabī mengatakan: “Jika *ruqyah* menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan nama-nama Allah maka hukumnya dibenarkan, malah digalakkan. Rasulullah SAW pernah *meruqyah* Ḥasan dan Ḥusayn.”
- 3) Imam Rabi’ mengatakan: “Aku bertanya kepada Imam Shāfi’ī mengenai *ruqyah*. Beliau berkata: “Tidak mengapa *ruqyah* dengan Al-Quran atau dengan kata-kata yang diketahui maksudnya daripada zikrullah”.

Suatu hal yang dapat difahami bahawa beberapa ucapan kadang-kadang memiliki keistimewaan dan khasiat yang mujarab. Firman Allah SWT adalah penawar yang sempurna, perlindungan yang optimum, cahaya yang memberi petunjuk, dan rahmat yang luas.²¹

Berdasarkan hadith-hadith yang disebutkan di atas, hukum rawatan atau terapi yang menggunakan *ruqyah* dan doa adalah sunnah (dianjurkan). Walau bagaimanapun, tidak semua *ruqyah* dibenarkan, hanya *ruqyah* yang mengandungi zikir-zikir kepada Allah dan kata-kata yang boleh difahami. Sesuatu yang tidak difahami tidak dijamin keselamatan daripada kemusyrikan.²² Hal ini selaras dengan kesepakatan para ulama yang telah dijelaskan dari awal tentang syarat bacaan *ruqyah shar’iyah*.

Dalam kitab Fiqh, *ruqyah* dimasukkan dalam perbahasan *Ṭib* (perubatan) bukan dalam perbahasan ibadah. *Ruqyah* adalah hasil penyelidikan yang berkembang mengikut zaman dan memiliki unsur *Ta’abbudiyah* (adanya batasan syar’i). Sudah tentu, *ruqyah* mempunyai ruang untuk ijtihad dan perkembangan penyelidikan sehingga muncul pelbagai jenis teknik pengubatan dalam *ruqyah*. Oleh kerana *ruqyah* dimasukkan ke dalam bab *Ṭib*, maka akan terus ada perbezaan pendapat mengenai *ruqyah* sama ada pro dan kontra sehingga terdapat sekurang-kurangnya kira-kira dua puluh pengubatan nabawi, dan salah satunya adalah *ruqyah*.²³

Dalam Musnad Imam Ahmad, disebutkan hadith daripada Ziyād bin Ilaqah daripada Uṣamah bin Shurayq meriwayatkan bahawa beliau menceritakan: “Sebaik sahaja aku bersama Nabi, tiba-tiba datang beberapa orang Badwi. Mereka bertanya: “Wahai Rasulullah, bolehkan kami berubat?” Baginda menjawab: “Ya, wahai hamba Allah, silakan berubat kerana setiap Allah menciptakan penyakit, pasti Allah juga menciptakan penawarnya, kecuali satu penyakit sahaja.” Mereka bertanya: “Apakah penyakit itu, wahai Rasulullah?” Baginda menjawab: “Penyakit tua.”²⁴ Hadith di atas merupakan anjuran kepada setiap umat Islam untuk sentiasa berikhtiar di jalan Allah, berusaha mencari penawar dan rawatan bagi penyakit yang dialami. Berdasarkan huraian di atas, asal usul hukum *ruqyah* adalah haram. Hal itu kerana *ruqyah* yang digunakan oleh masyarakat pada zaman *jahiliyah* mengandungi syirik. Tetapi pada akhirnya Rasulullah SAW membenarkan pengubatan *ruqyah* selagi tidak ada syirik. Bahkan Rasulullah SAW pernah menggunakan *ruqyah* untuk melindungi dirinya sendiri. Rentetan daripada peristiwa tersebut, sebahagian ulama membezakan *ruqyah*, iaitu *ruqyah shirkīyyah* (dilarang) dan *ruqyah shar’iyah* (dibenarkan).

a. Bacaan Ruqyah

- 1) Surah al-Fātiḥah

²¹ Ibnu Qayim al-Jauziyah, *Metode Pengobatan Nabi (al-Ṭib Al-Nabai)*, Terj. Abu Umar Basyier al-Maidan, (Jakarta: PT. Griya Ilmu Mandiri Sejahtera, 2015), 225-226.

²² Syekh Abdul Azhim, *Bebas Penyakit dengan Ruqyah* dari Gangguan Kesehatan hingga Gangguan Jin, 13.

²³ Ahmad Sarwat, *Seri Fiqh Kehidupan (13) Kedokteran*, (Jakarta: DU Publising, 2011), 74.

²⁴ Ali bin Sulaiman ar-Rumaikhan, *Fiqh Pengobatan Islami (al-Ahkam wal Fatawa al-Syar’iyah li Katsir Minal Masa’il Ṭibbiyah)*, Terj. Tim al-Qowam, (Sukoharjo: Al Qowam, 2008), 30.

- 2) Surah al-Ikhlās
- 3) Surah al-Falaq
- 4) Surah al-Nās
- 5) Surah Āli-‘Imirān ayat 1-9
- 6) Surah Yasin ayat 1-2
- 7) Surah al-Baqarah ayat 255

b. Manfaat Pengobatan dengan *Ruqyah*

- 1) *Ruqyah* dapat membantu memberikan solusi Islamik kepada orang-orang yang mengalami masalah kehidupan, sama ada dalam bentuk penyakit semula jadi atau penyakit yang disebabkan oleh sihir untuk mengelakkan dan melarikan diri dari tipu daya jin dan syaitan.
- 2) Mengajaik orang-orang yang belum mengetahui syariat Islam untuk menyelesaikan masalah mereka dengan bijak dengan kembali kepada Al-Quran dan melindungi mereka daripada perkara-perkara niegatif yang mengancam mereka.
- 3) Menyelesaikan masalah dengan tidak menimbulkan masalah baru, dalam bentuk fitnah yang menimpia hati, fitnah isyahwat dan syubhat, fitnah kesalahan dan kesihatan, fitnah maksiat dan bid’ah, fitnah kezaliman dan kebodohan yang mengakibatkan rosaknya ilmu, perdagangan, pengetahuan dan keyakinan kepada Allah SWT ²⁵.

c. Tatacara *Meruqyah* Menurut Kaedah Shar’i

Pientingnya penyembuhan dengan menggunakan metode *ruqyah*, maka setiap muslim semestinya mengetahui tata cara *meruqyah* yang benar yang sesuai dengan kaidah syar’i. ITatacara *meruqyah* adalah sebagaimana berikut:

- 1) Keyaikinan bahawa penyembuhan datang dari Allah SWT.
- 2) *Ruqyah* hendaklah dengan Al-Quran, Hadith atau dengan nama dan sifat Allah SWT, dalam bahasa Arab iatau bahasa yang mudah dipahami.
- 3) Mengiikhlassian niat dan menghadapkan diri kepada Allah semasa membaca dan berdoa.
- 4) Membaca surah Al-Fātihah dan meniup pada anggota badan yang sakit. Begitu juga membaca surah Al-Falaq, Al-Nās, Al-Ikhlās dan Al-Kāfirūn.
- 5) Menghayati makna yang terkandung dalam bacaan Al-Quran dan doa yang dibacakan.
- 6) Orang yang *meruqyah* hendaklah memperdengarkan bacaan *ruqyahnya*.
- 7) Meniup dengan lembut tanpa mengeluarkan air liur pada anggota badan yang sakit semasa membaca *ruqyah*.
- 8) Boleh untuk meniupkan bacaan *ruqyah* itu pada bekas yang berisikan air atau lain-lain.

²⁵ Perdana Akimal, *Quranic Healing Technology* (Teknologi Penyembuhan Qur’ani), (Jakarta: Pustaka Tarbiyah Semesta, 2014), 4.

- 9) Mengusap orang sakit dengan tangan kanan. Berdasarkan hadits 'Ā'ishah RA berkata: "Ketika Rasulullah SAW dihadapkan kepada seseorang yang mengeluh kesakitan, baginda mengusapnya dengan tangan kanan". (H.R. Muslim, *Sharḥ Al-Nawawī*: 14/180).
- 10) Sekiranya penyakit berada di seluruh badan, atau lokasinya tidak jelas, seperti penyakit gila, dada terasa sempit atau aduan pada mata, maka cara untuk merawatnya adalah dengan membaca *ruqyah* di hadapan pesakit. Dalam riwayat disebutkan bahawa Nabi SAW *meruqyah* orang yang mengadu kesakitan. Disebutkan dalam riwayat Ibn Mājah, daripada Ubay bin Ka'ab berkata: "Dia bergegas membawanya dan mendudukkannya di hadapan baginda SAW. Ketika itu aku meindengar baginda membaca surah al-Fātihah."²⁶

HASIL KAJIAN

Berdasarkan hasil penelitian terhadap amalan dan maksud metode *ruqyah shar'iyah* melalui padi dan beras, didapati bahawa pengubatan jenis ini bukanlah salah satu rawatan yang baru muncul. Walau bagaimanapun, pengubatan ini telah lama diamalkan dalam kalangan masyarakat Gampong Madat yang diambil daripada kebiasaan masyarakat yang menggunakan padi dan beras. Penggunaan bahan ini dalam semua bidang ritual, dengan meyakini ia memiliki makna yang tinggi kerana padi dan beras merupakan makanan ruji mereka. Oleh itu, tidak hairan, jika padi dan beras juga digunakan dalam kaedah rawatan *ruqyah*. Amalan dan makna metode *ruqyah shar'iyah* melalui padi dan beras adalah sebagaimana berikut.

[1] Sejarah Amalan Metode *Ruqyah* melalui Padi dan Beras

Metode *ruqyah* melalui padi dan beras ini diamalkan secara langsung oleh salah seorang penduduk bernama Ibu Nuraini yang mesra dipanggil Ibu Nuari. Beliau berasal dari Aceh Timur yang dilahirkan pada 12 Julai 1951 di Madat. Pendidikan tertinggi beliau adalah sekolah rendah. Selain merawat pesakit, ibu yang mempunyai lima orang anak (dua lelaki dan tiga perempuan) menjalankan aktiviti seharian dengan bertani di sawah dan ladang.

Tidak dapat dipastikan secara tepat bilakah Ibu Nuari mula terjun ke dalam dunia pengubatan atau *ruqyah*. Hal demikian kerana ilmu pengubatan yang dikuasai olehnya itu diperoleh secara turun temurun daripada nenek moyangnya. Kata Ibu Nuari: "*Saya tidak tahu pasti kapan, tapi ini saya dapatkan dari suami saya dan suami saya diturunkan dari keluarganya yaitu ayahnya*"²⁷

Menurut Ibu Nuari, padi dan beras yang digunakan sebagai bahan pengubatan ini diambil dari kebiasaan masyarakat Aceh yang menggunakan padi dan beras dalam semua bidang ritual. Kebiasaan ini telah menjadi adat di Gampong Madat di samping bahan ini menjadi makanan ruji mereka. Ibu Nuari berkata: "*Iya karna adat kami orang Aceh ya seperti itu. Karna sudah jadi adat makanya harus diikuti*"²⁸

Daripada hujah tersebut boleh dikatakan bahawa *ruqyah* dengan padi dan beras merupakan tradisi yang dipertahankan tetapi ia masih dalam konteks *shar'iyah* menurut Ibu Nuari. Hal ini kerana Ibu Nuari telah memberi definisi *ruqyah shar'iyah* secara ringkas dan mudah, yang terletak pada orang yang melakukan *ruqyah*. Jika orang yang melakukan *ruqyah* tidak bersolat,

²⁶ Perdana Akmal, *Quranic Healing*, 10.

²⁷ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

²⁸ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

ruqyahnya tidak *shar'iyah*, kerana syarat dalam melakukan *ruqyah shar'iyah* tidak dibenarkan meninggalkan solat. Sekiranya *peruqyah* meninggalkan solat, dia akan merasakan akibatnya dalam bentuk kesakitan seperti sakit urat, demam dan lain-lain.²⁹

[2] Metode *Ruqyah* melalui Padi dan Beras

Metode *ruqyah* melalui padi dan beras hampir sama dengan amalan *ruqyah* biasa yang menggunakan ayat-ayat Al-Qur'an. Namun ia memiliki sedikit perbezaan, yang hanya bertindak sebagai tambahan atau pelengkap. Permulaannya Ibu Nuari membaca ayat-ayat dalam Al-Quran dan ayat yang biasa diamalkan iaitu surah Al-Fātihah, *Al-Mu'awwidhatayn* (surah Al-Ikhlās, Al-Falaq, Al-Nās), surah Al-Isrā' ayat 81, surah Al-Syu'arā' ayat 169, surah Al-Baqarah ayat 255, dan surah Al-Mulk.

Salah satu doa yang dibacakan oleh Ibu Nuari apabila berhadapan dengan pesakit yang kepanasan di dalam badannya, Ibu Nuari beristighfar terlebih dahulu kemudian membaca surah Al-Fātihah sebanyak tujuh kali dan diakhiri dengan membaca doa berikut ini sebanyak tujuh kali:

بِسْمِ اللَّهِ الْكَبِيرِ، نَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ مِنْ شَرِّ عِزْقِي نَعَارٍ، وَمِنْ شَرِّ النَّارِ

Terjemahan: Dengan nama Allah Yang Maha Besar, aku memohon perlindungan daripadaMu, ya Allah Yang Maha Besar, daripada keburukan tubuh yang panas dan daripada kepanasan.

Pada hari pertama rawatan, pesakit yang datang hanya diberi air yang telah dibacakan ayat-ayat Al-Quran berserta doa-doa. Air yang dimaksudkan di sini adalah air mineral tulen yang belum bercampur dengan air mineral lain. Sekiranya air tersebut telah habis, pesakit segera kembali. Pada hari kedua pula, Ibu Nuari akan melihat perkembangan kesihatan pesakit dan membaca doa dan ayat ayat Al-Quran lalu meniup ke atas pesakit dan ke dalam air di hadapan pesakit. Air kedua ini dibenarkan oleh Ibu Nuari untuk dicampurkan dengan air mineral lain jika tidak mencukupi. Biasanya selepas beberapa hari, apabila pesakit telah sembuh, pesakit akan datang semula pada waktu petang dengan membawa sedikit padi dan beras. Bahan ini kemudiannya akan digunakan oleh Ibu Nuari untuk menurunkan penyakit yang telah dirawat supaya penyakit tersebut tidak kembali lagi.³⁰

Padi dan beras yang digunakan pada akhir rawatan oleh Ibu Nuari dilakukan dengan cara mengambil segenggam padi dan beras, dibacakan doa-doa tertentu, kemudian diturunkan dari kepala pesakit ke kaki dan dibuang. Baki padi dan beras yang tidak diambil dalam bekas tidak lagi boleh digunakan sama ada untuk dimakan atau kegunaan lain melainkan ditanam di dalam tanah. Hal ini bertujuan untuk menunjukkan isyarat bahawa padi dan beras disamakan dengan penyakit yang mesti dimusnahkan dengan menanam ke dalam tanah supaya penyakit itu tidak kembali lagi.³¹

Selain menggunakan padi dan beras, beliau juga menggunakan jarum dalam usaha menyembuhkan pesakit pada akhir rawatan sebagaimana dijelaskan oleh Ibu Nuari: "*Saya juga memakai satu buah jarum untuk menarik penyakit tersebut dan Jarum itu, Saya letakkan dibawah telapak kaki pasien, untuk menarik semua penyakit Setelah itu jarum itu saya tanam*

²⁹ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

³⁰ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

³¹ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

agar penyakit tidak menyebar ke badan orang lain dan melakukannya disaat pasien total sembuh.”³²

Walaupun pada masa *meruqyah* beliau juga menggunakan jarum selain padi dan beras, tetapi jarum di sini adalah hanya medium perubatan sahaja, tidak mengandungi unsur-unsur syirik. Hal ini dijelaskan oleh beliau: “*Saya gunakan jarum kerana dulu ketika saya mengambil tarekat, ya memang digunakan jarum tidak boleh lain khusus benda tersebut, jika orang lain saya tidak tahu ya ada juga yang menggunakan media lain*”.

Berdasarkan ulasan tersebut, dapat dilihat bahawa metode *ruqyah* dengan padi dan beras yang diamalkan oleh Ibu Nuari masih tidak menyeleweng dan menyebabkan syirik. Hal ini kerana padi dan beras hanya digunakan sebagai bahan rawatan, selain menggunakan ayat-ayat Al-Quran, zikir atau doa-doa dalam metode pengobatannya. Hal ini selaras dengan apa yang telah diamalkan oleh Rasulullah SAW. Di mana baginda pernah *meruqyah* dirinya sendiri. Daripada ‘Ā’isah RA berkata: “Ketika hendak tidur, Rasulullah SAW meniupkan ke kedua tangannya sambil membaca *al-Mu’awwidhatain* (surah Al-Nās dan Al-Falaq), dan beliau mengusapkan ke seluruh badannya.”³³

Selain itu, baginda juga pernah *diruqyah* oleh malaikat Jibril AS dengan ucapan: “Dengan nama Allah, aku *meruqyahmu* daripada segala penyakit yang membahayakanmu dan daripada kejahatan dari setiap jiwa yang jahat atau mata jahat pendengki. Semoga Allah menyembuhkanmu. Dengan nama Allah aku *meruqyahmu*.” (HR. Muslim)³⁴. Baginda juga pernah memerintahkan *ruqyah* dan membenarkan *ruqyah* beberapa orang sahabat seperti hadith daripada ‘Ā’ishah RA: “Rasulullah SAW memerintahkan kepada kami untuk *meruqyah* orang yang terkena penyakit ‘ain (gangguan sihir).” (HR Bukhāri & Muslim)³⁵. Begitu juga dengan pendapat para ulama, sebagaimana yang dinukilkan oleh Irfan Abu Naveed mengenai pendapat para ulama mengenai *ruqyah*, antaranya:

- a. Al-Hāfiẓ al-Qurṭubī mengatakan bahawa dibenarkan *ruqyah* dengan kalam Allah dan nama-nama Allah SWT kerana menggunakan doa-doa yang *ma’tḥūr* hukumnya sunat.
- b. Imam al-Khiṭābī mengatakan sekiranya *ruqyah* menggunakan ayat-ayat Al-Qur’an dan nama-nama Allah maka hukumnya dibenarkan, malah digalakkan. Rasulullah SAW pernah *meruqyah* Ḥasan dan Ḥusayn.
- c. Imam al-Rabi’ mengatakan: “Aku bertanya kepada Imam Shāfi’i mengenai *ruqyah*, beliau berkata: “Tidak mengapa *meruqyah* dengan Al-Qur’an atau dengan kata-kata yang diketahui maksudnya dari zikrullah’.”

[3] Maksud Metode *Ruqyah* melalui Padi dan Beras

Ibu Nuari memahami maksud penggunaan padi dan beras dalam pengubatan *ruqyah* sebagai keberkatan sebagaimana dijelaskan oleh beliau:

“Padi dan beras saya gunakan untuk memberkati pasien tersebut, agar tidak sakit lagi.”³⁶

³² Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

³³ Abdullah al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ Bukhāri*, (Beirut: Dar al-Thuq al- Najah, 1442), 7:134.

³⁴ Abdul Adzim bin Abdul Qowiy, *Mukhtashor Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Maktabah al-Islamiyah, 1989), 384.

³⁵ Al-Bukāri, *Ṣaḥīḥ Bukhāri*, 132 dan Suciniati, Suciniati. "Terapi Kesehatan Mental Melalui Ayat-Ayat Suci Al-Quran (Studi Kasus Kh. Imam Di Dusun Blajud)." *Reflektika* 14, no. 1 (2019): 59-100.

³⁶ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

Hujah tersebut menunjukkan bahawa padi dan beras yang digunakan oleh Ibu Nuari adalah usaha beliau dalam merawat pesakit untuk sembuh sepenuhnya. Dalam pemahaman Ibu Nuari, bahan ini berfungsi sebagai pelengkap rawatan sehingga pada akhir rawatan perlu kepada bahan yang mengandungi keberkatan. Melihat bahawa padi dan beras adalah makanan ruji masyarakat Aceh, bahan ini tentunya mengandungi nilai-nilai penting dalam kehidupan.

Pada kesempatan yang sama, Ibu Nuari juga menyatakan tentang masalah yang timbul apabila tidak menggunakan padi dan beras dalam pengobatannya. *"Jika tidak menggunakan padi, beras dan jarum maka pasien (pesakit) saya akan kembali sakit seperti semula fungsi jarum untuk menarik segala racun dan penyakit yang ada dalam tubuh pasien (pesakit), dan untuk beras dan padi itu adat kami orang Aceh agar berkat dan penyakit tidak akan kembali."*³⁷

Berdasarkan penjelasan Ibu Nuari di atas, didapati bahawa kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Dina (2022) *"Implementasi Metode Ruqyah melalui Terapi Air (Studi pada Buya Zaharuddin di Kelurahan Simpang Sungai Rengas Kecamatan Maro Sebo Ulu Kabupaten Batang Hari Provinsi Jambi)"*, iaitu dalam kes ini, kedua-duanya mengkaji metode *ruqyah*. Walau bagaimanapun kajian ini berbeza kerana Ibu Nuari menggunakan beras dan padi manakala kajian Dina yang menggunakan metode *ruqyah* melalui terapi air di mana air tersebut dibacakan doa dan dicampur dengan buah limau nipis, pucuk kelapa muda dan daun durian. Kemudian air tersebut dibacakan doa yang mengandungi makna baik dan positif seterusnya digunakan sebagai air mandian untuk dimandikan pesakit.

Berdasarkan ulasan ini, dapat difahami bahawa padi dan beras yang digunakan oleh Ibu Nuari dalam rawatan hanyalah untuk mengambil keberkatan setelah ayat-ayat dibacakan. Di samping ia, beliau juga menggunakan jarum kepada pesakit. Padi dan beras sengaja digunakan dalam *ruqyah* kerana kedua-duanya merupakan elemen penting dalam kehidupan iaitu makanan ruji desa atau gampong Madat.

[4] Kadar Penyembuhan Pesakit dengan Metode *Ruqyah* Melalui Padi dan Beras

Penyembuhan pesakit diyakini oleh Ibu Nuari datang dari Allah SWT. Sebagai manusia, beliau hanya berikhtiar sahaja dalam merawat pesakit dengan metode *ruqyah*nya mengikut kemampuannya yang terbatas. Berdasarkan pengakuannya, didapati hampir semua pesakit sembuh sepenuhnya sebagaimana berikut:

"Jika penyakit bersangkutan dengan saya, insyaallah dan alhamdulillah semua yang sudah datang pada saya sembuh total".³⁸

Tambah beliau lagi:

"Insya Allah semua yang datang untuk berobat sama saya sembuh. Dengan cara datang 3 kali dan 3 hari paling sedikit".³⁹

Selanjutnya beliau berkata:

"Pertama saya baca ayat-ayat dulu. Ruqyah ke 2 bawa air untuk menjadi obat penenang bagi orang sakit yang saya obati. Ruqyah ke 3 juga demikian, insyaallah semua pasien"

³⁷ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

³⁸ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

³⁹ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

*yang berobat sama saya 3 hari sudah bisa sembuh total. Ada juga yang 7 hari tapi jarang.”*⁴⁰

Kesimpulan daripada kenyataannya tersebut didapati bahawa rawatan menggunakan metode *ruqyah* melalui padi dan beras pada akhir rawatan seperti yang dilakukan oleh Ibu Nuari ternyata membuahkan hasil. Dengan izin Allah, kesemua pesakit yang datang kepada Ibu Nuari sembuh sepenuhnya dalam tempoh tiga hari sahaja. Hal ini dapat dilihat apabila pesakit yang telah berubat dengannya, jarang mereka akan kembali lagi untuk berubat dengan penyakit yang sama melainkan beliau yang menyuruhnya datang menemuinya semula.

[5] Pemahaman Ibu Nuari terhadap Ayat Al-Qur’an yang Digunakan dalam *Ruqyah Shar’iyah* Melalui Padi dan Beras

Tahap kefahaman ayat-ayat yang digunakan oleh Ibu Nuari dalam *ruqyah* tidak diragukan lagi kerana beliau dapat memahami dan mengetahui semua ayat dalam *ruqyah* sebagaimana pernyataan Ibu Nuari:

*“Jika pasien mengalami keluhan sakit gigi baca surah al-A’raf ayat 117-122 karena sakit gigitan bermasalah dengan ulat kalo bahasa sekarang bakteri”*⁴¹

Tambah beliau:

*“Surah al-A’raf berhubungan dengan tongkat nabi musa yang menelan seluruh ular-ular kecil nya Fir’aun yang membuat orang pada ketakutan sehingga orang-orang pada tunduk terhadap Fir’aun, datang nabi Musa melemparkan tongkatnya sehingga habislah dimakan ular-ular Fir’aun, begitu juga gigi karena ada ulatnya kita bacakan ayat ini Insyāallah sakitnya sembuh.”*⁴²

Kemudian beliau meneruskan:

*“Biasa saya baca tiga kali tiup ke air”*⁴³

Akhir sekali beliau mengatakan:

*“Jika untuk meruqyah yang sakit biasanya saya baca Al-Fātihah dulu Al-Nās Al-Falaq Al-Ikhlas masing masing tujuh kali kemudian baru baca surah al-’Araf ayat 117-122.”*⁴⁴

Daripada kenyataan Ibu Nuari, untuk sakit gigi, ayat yang digunakan adalah Al-‘Arāf ayat 117-122. Tahap kefahaman terhadap ayat ini, beliau mampu melafazkan ayat tersebut tanpa perlu melihat teks dan dapat menjelaskan maksud dan kandungan suatu surah serta memahami dengan betul maksud ayat tersebut. Hal demikian menunjukkan bahawa pengubatan yang digunakan oleh Ibu Nuari adalah mengikut syariat dan ajaran Rasulullah.

Perbezaan ayat-ayat Al-Quran dalam *ruqyah* adalah disebabkan oleh perbezaan penyakit yang perlu kepada penawar atau ayat-ayat yang berbeza. Ingatlah, semua penyakit ada penawarnya dan penawar tersebut ada dalam Al-Quran. Oleh itu, Ibu Nuari mengamalkan ayat-ayat Al-Quran dalam rawatannya. Hal ini senada dengan firman Allah SWT dalam surah Fuṣṣilat dan Yūnus,

⁴⁰ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

⁴¹ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

⁴² Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

⁴³ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

⁴⁴ Temu bual dengan Ibu Nuraini pada 16 Julai 2022 di Gampong Madat.

...قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى وَشِفَاءً وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي آذَانِهِمْ وَقْرٌ...

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): “Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman; dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi sebagai penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar). (QS. Fuṣṣilat: 44)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Qur’an yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta rahmat bagi orang-orang yang beriman. (QS. Yūnus 57)

Selain rawatan *ruqyah* terdapat juga rawatan terapi alternatif iaitu pembersihan diri atau lebih dikenali sebagai *Tazkiyah Al-Nafs*. Ia adalah proses membersihkan jiwa dan hati daripada pelbagai dosa dan sifat-sifat tercela, meningkatkan kualiti jiwa dan hati dengan mengembangkan sifat-sifat terpuji yang direcai oleh Allah SWT dan potensi-potensi positif iaitu mujahadah, ibadah dan pelbagai perbuatan baik yang lain sehingga hati dan jiwa menjadi bersih dan baik serta berkualiti yang mampu menjadikannya mempunyai sifat-sifat dan perilaku yang baik dan terpuji.⁴⁵ Ibu Nuari juga pernah melakukan terapi *ruqyah* alternatif, iaitu dengan membaca ayat-ayat Al-Quran antaranya; surah Al-Fātihah, surah Al-Ikhlās, surah Al-Nās dan surah Al-‘Alaq diikuti dengan surah Al-Baqarah ayat 225, surah Āli ‘Imrān ayat 5 dan surah Al-Tawbah ayat 1-5 dibacakan di hadapan air. Setelah selesai dibacakan, beliau meniupkan ke seluruh tubuh dan air *ruqyah* boleh terus diminum seterusnya beliau memberikan ayat “pagar tubuh” untuk diamalkan setiap hari.

Ruqyah sebegini secara tidak langsung boleh menjadi medium untuk rawatan alternatif menjadi lebih introspektif. Sebagai manusia yang tidak lepas daripada kesilapan dan dosa, apabila proses rawatan ini berlangsung, dia akan mengingati kembali dosa dan kesilapan yang pernah dilakukan dalam kehidupan seharian. Selain ditafsirkan sebagai proses pembersihan diri, *ruqyah* ini juga berguna untuk mengelakkan mata jahat yang mengandungi unsur iri hati dan sihir. Hal ini kerana ramai orang di luar sana masih mengamalkan ilmu sihir hitam dan kemudian menjadikan manusia sebagai amalan percubaan ilmu sihir sehingga terpesong daripada syariat Islam.

[6] Persepsi Masyarakat terhadap Metode *Ruqyah Shar’iyah* Melalui Padi dan Beras dalam Kalangan Masyarakat Madat

Daripada hasil temu bual yang telah dijalankan, persepsi masyarakat di Gampong Madat Kecamatan Madat Kabupaten Aceh Timur terhadap *Ruqyah Shar’iyah* melalui padi dan beras yang digunakan sebagai bahan rawatan di lokasi kajian adalah mereka mempercayai bahawa rawatan dengan *ruqyah* menggunakan bahan tersebut dapat menyembuhkan penyakit-penyakit tertentu. Walau bagaimanapun, kebanyakan masyarakat Madat tidak memahami secara mendalam surah dan ayat yang digunakan.

Analisis tahap kefahaman masyarakat Gampong Madat tentang rawatan yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran yang terdapat di Madat mendapati bahawa sebahagian

⁴⁵ Fahrudin Faiz, “Tasawuf Upaya Tazkiyatun Nafsi sebagai Jalan Mendekati Diri kepada Tuhan”, *Jurnal PAI* 2, (2014), 127.

masyarakat ini tidak memahami maksud ayat dan surah. Namun, mereka meyakini bahwa dengan menggunakan ayat dan surah tersebut mereka akan mendapat kesembuhan yang mereka harapkan. Sudah tentu mereka sadar bahwa hanya Allah SWT sahajalah Yang Maha Penyembuh daripada segala penyakit.

[7] Keyakinan Masyarakat Madat terhadap Rawatan *Ruqyah Shar'iyah* melalui Padi dan Beras

Hasil penelitian di Gampong Madat mendapati bahawa sebahagian masyarakat di sini pernah menerima rawatan dengan *ruqyah* dan sebahagian yang lain belum menerima rawatan tersebut. Namun, kedua-duanya sangat meyakini bahawa dengan menggunakan ayat-ayat pengobatan daripada Al-Quran, mereka akan sembuh seperti yang diharapkan. Hal ini disokong oleh Teungku Salam, salah seorang imam di Gampong Madat, mengatakan bahawa:

*"Saya pernah menjalani pengobatan yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran, saya tidak memahami ayat yang digunakan dalam pengobatan namun saya meyakini akan mendapatkan kesembuhan dengan cara pengobatan tersebut. Saya mendapatkan kesembuhan setelah berobat. Saya meyakini orang yang mengobati saya bahwa dengan perantara orang tersebut saya bisa sembuh. Dan tentu saja atas izin Allah."*⁴⁶

Berdasarkan pengakuan ini, Tengku Salam memberikan persepsi positif terhadap rawatan *ruqyah* di mana beliau menjelaskan kepentingan berikhtiar untuk sembuh daripada penyakit yang telah diamanahkan oleh Allah SWT.

Selain itu, Ibu Fauziah juga menyatakan perkara yang sama mengenai rawatan melalui padi dan beras.

*"Saya pernah berobat dengan pengobatan tersebut. Saya merasakan efek bagus dari pengobatan tersebut. Sehat secara perlahan-lahan. Kita harus percaya dengan Tuhan dan insya Allah penyakit itu bisa sehat."*⁴⁷

Meskipun tidak mengetahui kandungan bacaan *ruqyah*, Ibu Fauziah sangat menyokong pengobatan yang dilakukan oleh Ibu Nuari. Beliau memberikan persepsi positif dan dilihat daripada komponen kognitif yang menyatakan pandangan: "*mendapatkan kesihatan secara perlahan*".

Berbeza dengan kes Tengku Samsul, menurut beliau:

*"Kalau berobat menggunakan ayat-ayat Al-Quran (ruqyah) seperti yang dilakukan orang-orang saya belum pernah, namun saya pernah berobat, mengobati keseleo atau semacamnya dengan cara urut. Dan kebetulan waktu itu saya mendengar bahwa orang tersebut memakai Basmalah ketika mengurut saya. Tentang pengobatan yang menggunakan ayat-ayat Al-Qur'an tersebut saya meyakini namun saya tidak memahami secara jelas tentang maksud dari ayat-ayat yang digunakan. Intinya kita harus yakin melalui pengobatan tersebut kita akan mendapatkan kesembuhan."*⁴⁸

Tengku Samsul memberikan persepsi positif melalui deria pendengaran terhadap rawatan *ruqyah* iaitu mendengar ucapan basmalah. Walaupun beliau tidak menerima rawatan secara langsung dengan Ibu Nuari, beliau berpandangan hal ini tidak jauh berbeza dengan

⁴⁶ Temu bual dengan Teungku Abdul Salam pada tanggal 1 Disember 2021 di Gampong Madat.

⁴⁷ Temu bual dengan Ibu Fauziah pada tanggal 01 Disember 2021 di Gampong Madat.

⁴⁸ Temu bual dengan Teungku Samsul pada tanggal 4 Disember 2021 di Gampong Madat.

ruqyah yang dilakukan oleh Ibu Nuari kerana beliau menggunakan *basmalah* di awal rawatan. Hal ini termasuk dalam komponen konatif iaitu komponen yang berkaitan dengan kecenderungan untuk bertindak ke atas objek sikap (komponen tingkah laku).

Selain Tengku Samsul, Ibu Suryani sangat aktif dalam rawatan *ruqyah* dan setiap penyakit tidak pernah terlepas daripada rawatan Ibu Nuari kerana beliau mengetahui manfaat rawatan *ruqyah*. Rawatan ini membantu memberikan penyelesaian Islamik kepada orang yang mengalami masalah kehidupan sama ada penyakit semula jadi atau penyakit yang disebabkan oleh sihir supaya terhindar dan terlepas daripada tipu daya jin dan setan. Dalam pengakuannya beliau berkata:

“Saya dulu pernah berobat dengan Ibu Nuari ketika sakit cacar, sakit gigi, panas dalam, bahkan hampir setiap sakit saya ke Ibu Nuari Alhamdulillah sembuh.”

Seterusnya Encik Rustam, seorang geuchik Gampong Madat dalam pengakuannya menyatakan:

“Saya belum pernah berubat sama Ibu Nuari, tapi saya dulu pernah melakukan ruqyah seperti ini ketika sakit masih kecil dibawa oleh Ibu saya untuk berubat sebenarnya saya rasa alasan dibawa berubat kerana dulu rumah sakit jauh sini, kenderaan juga susah didapatkan tidak semudah seperti sekarang juga pengubatannya terjangkau (murah), oleh kerana itu banyak juga masyarakat kita yang melakukan pengubatan seperti ruqyah ini sehingga menjadi turun temurun dalam mengatasi masalah kesihatan diri.”

Tgk. Mursal juga mendakwa pernah menjalani rawatan *ruqyah* melalui padi dan beras. Katanya:

“Ketika sakit gigi, dibawa Ibu berubat ke Ibu Nuari, waktu itu saya masih anak-anak masih sekolah dasar.”

Hal ini disokong oleh Encik Abdullah dengan katanya:

“Saya dulu sering di ruqyah ada panas dalam sedikit langsung di ruqyah sama Alm.bapak saya atau sakit perut langsung itu dibacakan ayat ayat Al-Qur’an ditiupkan kedalam air kemudian saya minum dan begitu seterusnya sampai sembuh. Setelah bapak meninggal sudah tidak pernah lagi di ruqyah. Melakukan ruqyah sama Ibu Nuari saya belum pernah”.

Perkara yang sama turut diucapkan oleh Ibu Fauziah, katanya:

“Saya baru melakukan pengobatan ruqyah sama Ibu Nuari Jika saya sudah pernah melakukan pengobatan medis beberapa kali, seperti ketika saya sakit dan mencoba ke rumah sakit dan jika belum mendingan saya ke klinik/apotik untuk berobat kembali, jika memang belum mendapat kesembuhan saya mencuba ketempat ruqyah.”

Sementara itu, Ibu Fatimah, seorang jururawat dan Ibu Hasni, seorang di gampong Madat mengaku bahawa mereka tidak pernah menjalani rawatan *ruqyah* melalui padi dan beras. Namun mereka tidak menafikan ikhtiar untuk sembuh melalui metode *ruqyah* dengan padi dan beras.

Berdasarkan pengakuan di atas, dapat difahami bahawa hampir semua informan temu bual percaya kepada rawatan *Ruqyah Shar’iyah* melalui padi dan beras. Mereka turut meyakini bahawa hakikat yang menyembuhkan mereka adalah Allah SWT. Cuma manusia ini mempunyai kewajipan untuk berikhtiar terhadap penyakit yang sudah ada penawarnya daripada Allah SWT.

Faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat Madat terhadap rawatan ruqyah adalah kerana *ruqyah* ditafsirkan sebagai salah satu syariat dalam Islam di samping didikan orang tua dan kebiasaan yang mereka alami semasa masih kecil. Prosedur, tatacara dan hukum melakukan *ruqyah* telah dijelaskan secara terperinci dalam syariat Islam, sehingga masyarakat Madat menganggap bahawa apa yang telah dilaluinya adalah jelas dan ada peraturannya dalam Islam seterusnya tidak timbul keraguan dalam proses rawatan yang dijalankannya. Selain itu, mereka melihat *ruqyah* salah satu simbol dalam Islam. Bahkan metode yang dibacanya merupakan lantunan daripada kitab pedoman mereka iaitu Al-Quran.

Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan yang diterangkan di atas, pengkaji mengemukakan beberapa perkara penting sebagaimana berikut:

1. Amalan metode *ruqyah shar'iyah* melalui padi dan beras dalam kalangan masyarakat Madat hampir sama dengan amalan *ruqyah* biasa yang menggunakan ayat-ayat Al-Quran. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan dari sudut penggunaan bahan yang berfungsi sebagai tambahan atau pelengkap. Ibu Nuari menggunakan padi dan beras pada akhir rawatan dengan menggenggam sedikit padi dan beras dan dibacakan doa-doa tertentu. Kemudian padi dan beras diturunkan dari kepala ke kaki pesakit dan dibuang. Baki padi dan beras yang tidak diusik dalam sebuah bekas tersebut tidak boleh digunakan dan mesti ditanam di dalam tanah. Tujuan penanaman ini sebagai isyarat bahawa padi dan beras diumpamakan sebagai penyakit yang mesti dimusnahkan dengan menanam ke dalam tanah supaya penyakit itu tidak kembali lagi. Kaedah ini adalah dengan izin Allah SWT.
2. Tahap pemahaman Ibu Nuari terhadap ayat yang digunakan tidak diragui kerana beliau mampu melafazkan ayat-ayat Al-Quran tanpa perlu melihat teks tersebut. Ibu Nuari juga mampu menerangkan makna dan kandungan sesuatu surah serta memahami dengan betul maksud ayat tersebut. Oleh itu, rawatan yang digunakan oleh Ibu Nuari adalah mengikut panduan syariat dan ajaran Rasulullah SAW.

Persepsi masyarakat terhadap penggunaan padi dan beras dalam rawatan *ruqyah* Ibu Nuari berbeza dengan rawatan yang menggunakan air yang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Namun, masyarakat Madat menerimanya dengan baik bahkan tidak mempersoalkan bahan yang digunakan oleh para *peruqyah* kerana perkara paling penting bagi mereka ialah *ruqyah* tersebut adalah *shar'iyah* dan tidak mengandungi syirik. Masyarakat juga meyakini bahawa rawatan *ruqyah* melalui padi dan beras adalah hanya sebagai satu bentuk ikhtiar sahaja di samping kebiasaan mereka dididik dengan berubat dengan ayat-ayat Al-Quran sejak dari kecil. Mereka turut menyedari bahawa penyembuhan tidak diperolehi daripada ubat-ubat perubatan moden sahaja tetapi banyak perkara lain yang boleh mendapatkan penyembuhan dan salah satunya ialah *ruqyah*. Walau bagaimanapun, kurnia penyembuhan ini mesti diyakini datangnya daripada Allah SWT.

Rujukan

- Abdullah Abdul Aziz Al-Aidan, *Obati Sakitmu dengan Al-Qur'an*, Solo: Zam zam, 2015.
- Ahmad, Khadher, Ishak Suliaman, Sedek Ariffin, and M. Y. Zulkifli. "Religion and alternative medicine: Issues on using Ruqyah (incantation) among Malay-Muslim practices."

- In *Proceedings of International Conference on Innovative Trends in Multidisciplinary Academic Research (ITMAR-2014)*, vol. 1, pp. 33-40. 2014.
- Ahmad, Khadher, Mohd Anuar Ramli, and Nor Azian Ab Rahman. "Understanding the Use of Ruqyah (Healing Method Based on The Quran and Hadith) in the Treatment of Disease: Analysis based on Fiqh al-Hadith Al-Imam Al-Bukhari", *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies* 14, no. 2 (2016): 168-205.
- Akmal, Perdana. *Quranic Healing Technology* (Teknologi Penyembuhan Qur'ani), Jakarta: Pustaka Tarbiyah Semesta, 2014.
- Azhim, Syekh Abdul. Bebas Penyakit dengan *Ruqyah* dari Gangguan Kesehatan hingga Gangguan Jin (al-*Ruqyah* al-Nāfi'ah li Amrādh al-Ayā'iyah), Terj. Salafuddin Ilyas & A. Mufid Ihsan, Tangerang: Qultum Media, 2006.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, ed. Dr. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, (Beirūt: Dār Ibn Kathīr al-Yamāmah, 1987.
- Cheteh, Masuphi. "Penggunaan Ayat Al-Qur'an sebagai Media Pengobatan (Studi Living Qur'an pada Praktik Pengobatan Ustadz Ismail idi Kampung Meanea Provinsi Naraṭiwat Thailand". Skripsi IAT, IAIN Jember, 2020.
- Danarjati, Dwi Prasetya., Adi Murtiadi dan Ari Ratna Ekawati, *Pengantar Psikologi Umum*. Yogyakarta: Graha Ilmu, 2013.
- Dina, "Implementasi Metode *Ruqyah* Melalui Terapi Air (Studi pada Buya Zaharuddin di Kelurahan Simpang Sungai Rengas Kecamatan Maro Sebo Ulu Kabupaten Batang Hari Provinsi Jambi)". Skripsi Studi Bimbingan dan Penyuluhan Islam, UIN Sultha Thaha Saifuddin Jambi, 2002.
- Faiz, Fahrudin. "Tasawuf Upaya Tazkiyatun Nafsi Sebagai Jalan Mendekati Diri kepada Tuhan", *Jurnal PAI 2*, (2014): 127-148.
- Hadi, Abdul. "*Bacaan Ayat Al-Qur'an sebagai Obat*". Skripsi UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2015.
- Hadi, Sutrisno. *Metodologi Research I*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan Fakultas Psikologi Universitas Gadjah Mada, 1983.
- Hakim, Abdul. "Pengobatan dengan Ayat Al-Qur'an di Perguruan Silat Laskar Ikhwan Ash-Ṣafa Desa Purwosari 1 Kec. Tamban Kab. Batola". Skripsi IAT, UIN Antasari Banjarmasin, 2019.
- Harmuzi, Harmuzi. "Studi Fenomenologi Ruqyah Syar'iyah Pengalaman Transformasi Kesehatan Mental Di Biro Konsultasi Psikologi Tazkia Salatiga." *IJIP: Indonesian Journal of Islamic Psychology* 2, no. 1 (2020): 112-135.
- Husin, Achmad Fuadi. "Islam dan kesehatan." *Islamuna: Jurnal Studi Islam* 1, no. 2 (2014): 193-209.
- Ibnu Qayim al-Jauzīyah, *Metode Pengobatan Nabi (al-Ṭib Al-Nabai)*, Terj. Abu Umar Basyier al-Maidan, Jakarta: PT. Griya Ilmu Mandiri Sejahtera, 2015.
- Al-Iedan, Abdullahi bin Abdul Aziz. *Ruqyah (Mengobati Jasmani & Rohani Menurut al-Qur'an dan as-sunah*, Jakarta: Pustaka Imam al-Syāfi'ī, 2006.
- Isrianas, "Penggunaan Ayat-Ayat Al-Qur'an dalam Pengobatan di Kelurahan Sungai Bengkal Kecamatan Tebo Ilir Kabupaten Tebo (Studi Living Qur'an)". Skripsi IAT, Uin Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, 2019.
- Khadher Ahmad et.al, Terapi Ruqyah Berasaskan Al-Quran: Analisis Signifikannya Dalam Rawatan Penyakit, *Jurnal Darul Quran* 18: 87-125.

- M. Munir, *Metode Dakwah*. Jakarta: Kencana, 2003.
- Moleong, Lexy. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya, 1993.
- Muhibbah, Dina. "Implementasi Metode Ruqyah Melalui Terapi Air: Kasus Buya Zaharuddin, Simpang Sungai Rengas, Batanghari." *JIGC (Journal of Islamic Guidance and Counseling)* 6, no. 1 (2022): 49-59.
- Musdar Bustaman Tambusia, *Buku Pintar Jin, Sihir, dan Ruqyah Syar'iyah*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2010.
- Muslim bin al-Hajjaj Abū Ḥusain al-Qushairī al-Naysāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.
- Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi, *Sahih Muslim dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi', 2000.
- Muzakki, Jajang Aisyul. *Kekuatan Ruqyah*. Jakarta: Belanoor, 2011.
- Nursalam, Nursalam, and Syarifuddin Syarifuddin. "Persepsi masyarakat tentang perempuan bercadar." *Equilibrium: Jurnal Pendidikan* 3, no. 1 (2015).
- Qowiy, Abdul Adzim bin Abdul Abdul. *Mukhtashor Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Maktabah al-Islamīyah, 1989.
- Rahma, Annisa. "Terapi Al-Qur'an dengan Metode *Ruqyah Syar'iyah* dalam Penyembuhan Gangguan Psikis di Rumah *Ruqyah Solo*". Skripsi Bimbingan Konseling Islam, IAIN Surakarta, 2018.
- Ar-Rumaikhan, Ali bin Sulaiman. *Fiqh Pengobatan Islami (al-Ahkam wal Fatawa al-Syar'iyah li Katsir Minal Masa'il Ṭibbiyah)*, Terj. Tim al-Qowam, Sukoharjo: Al Qowam, 2008.
- Sakdiah, Sakdiah, and Yunaidi Yunaidi. "Pesijuek Sebagai Media Dakwah Di Aceh." *Jurnal Al-Bayan: Media Kajian Dan Pengembangan Ilmu Dakwah* 21, no. 1 (2015):1-18.
- Santi Siti Fatimah, "Metode *Ruqyah* terhadap Kesehatan Mental Santri Pondok Pesantren Jolo Sutro Adijaya Terbanggi Besar Lampung Tengah" Skripsi Komunikasi dan Penyiaran Islam, IAIN Metro Lampung, 2019.
- Sari, Maya. "Pengobatan dengan Ayat Al-Qur'an (Studi Pemahaman Ayat-Ayat Syiifā' pada Masyarakat di Desa Talang Segegah)". Skripsi IAT, Uin Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, 2019.
- Sarwat, Ahmad. *Seri Fiqih Kehidupan (13) Kedokteran*, Jakarta: DU Publising, 2011.
- Setyawan, Sigit Dwi, and Yadi Purwanto. "Fenomena terapi ruqyah dan perkembangan kondisi afeksi klien." *Indigenous: Jurnal Ilmiah Psikologi* 2 (2007): 63-78.
- Suciniati, Suciniati. "Terapi Kesehatan Mental Melalui Ayat-Ayat Suci Al-Quran (Studi Kasus Kh. Imam Di Dusun Blajud)." *Reflektika* 14, no. 1 (2019): 59-100.
- Sukmal, Musri. "*Syifā' dalam Perspektif Al-Qur'an*." Skripsi IAT, IAIN Batu Sangkar Sumatra Barat, 2019.
- Syaukani, Ahmad. "Media Informasi Pengobatan Islam", *Jurnal TIMES* 2, (2016): 17-30.
- Tanra, Indra. "Persepsi Masyarakat tentang Perempuan Bercadar", dalam *Jurnal Pendidikan Sosiologi Nomor 1*, (2015): 118.i
- Taufiq, M. Izudin. *Panduan Lengkap dan Psikologi Islam*, Jakarta: Gema Insani Press, 2006.
- Tim redaksi kamus besar bahasa indonesia, *kamus besar bahasa Indonesia*, Jakarta: pustaka, 2003.

Abd. Wahid, Khadher, Fathaya, Maizuddin & Zainuddin / *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10(2) (2023):
17-38

Walgito, Bimo. *Pengantar Psikologi Umum*. Yogyakarta: Andi offset, 2004.

Yulianda, Reno. "Living Qur'an Ayat *Syifā'* Pengobatan dengan Air Tawar pada Kelurahan Kembang Pasebian Kecamatan Mersam". skripsi IAT, Uin Sulthan Thaha Saifuddin Jambi, 2022.

Zainurrofiq, *al-Ma'tsurat*, Jakarta Timur: Spirit Media, 2014.

Az-Zarqā, Ummu Abdillah Hanien. *Terapi Pengobatan dengan Ruqyah Syar'iyah*, Jakarta: el-Posowy, 2005.